

TARIKH : 2.1.2020
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16

Ekonomi Malaysia dijangka meningkat menjelang Jun

Kerajaan kekal unjuran pertumbuhan ekonomi pada 4.8 peratus

Pembangunan ekonomi Malaysia dijangka meningkat selewat-lewatnya menjelang Jun tahun ini, sekali gus membolehkan kerajaan mengekalkan unjuran pertumbuhan ekonomi pada 4.8 peratus berbanding 4.7 peratus pada 2019.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kerajaan kekal optimis walaupun kalangan ahli ekonomi dan Bank Dunia telah bertindak menyemak turun unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia kepada 4.5 peratus pada tahun ini berbanding unjuran awal pada 4.6 peratus.

"Kita yakin untuk mengekalkan unjuran pertumbuhan terbabit, disokong oleh harga komoditi yang semakin pulih sebaliknya perkembangan pelaburan awam khususnya perbelanjaan kerajaan serta prospek penyelesaian perang perdagangan



Ekonomi Malaysia dijangka rancak.

(Foto hiasan)

an Amerika Syarikat (AS) dan China," katanya.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata terdapat beberapa kementerian yang mengagihkan peruntukan perbelanjaan pembangunan di bawah Belanjawan 2019 pada Mei atau Jun walaupun wang telah dikeluarkan pada Januari.

"(Susulan itu) tender hanya boleh dijalankan pada September atau Oktober, manakala taruhan hanya dibuat pada dua bulan atau tiga bulan kemudian. Oleh itu, kerja-kerja hanya boleh dimulakan pada akhir tahun ini ataupun tahun depan.

"Berikutnya itu, tiada masalah bagi perbelanjaan pembangunan pada 2019 membabitkan projek yang sedang berlangsung tetapi bagi projek baharu, ia akan dibawa ke tahun hadapan dan ditambah dengan belanjawan (pembangunan baharu) bagi 2020," katanya.

Guan Eng berkata, ekonomi Malaysia juga dijangka rancak dan mendapat rangsangan sekiranya perang perdagangan Washington-Beijing dapat diselesaikan.

Inil sejajar status negara ini sebagai ekonomi pengeksport dan sebarang penyelesaian perbelahan perdagangan membabitkan dua kuasa besar ekonomi itu mampu memberi manfaat kepada Malaysia.

"Mahu tidak mahu, kita (sentiasa) dipengaruhi oleh keadaan atau suasana perdagangan (luaran). Oleh itu, apabila kita lihat prospek pertumbuhan perdagangan sedunia hanya 1.2 peratus iaitu kadar paling rendah dalam 10 tahun, kita menjangkakan untuk mencapai pertumbuhan KDNK pada 4.7 peratus.

"Bagi tahun 2020 pula, prospek pertumbuhan perdagangan dunia dijangka meningkat kepada tiga peratus. Sehubungan itu, kita yakin unjuran 4.8 peratus dapat dicapai dan melihat pertumbuhan lebih tinggi sekiranya perang perdagangan AS-China dapat diselesaikan," katanya.

BERNAMA